# Akidah ahli sunnah wal jamaah

## Maksud

Golongan yang memahami dan berpegang teguh dengan al-quran dan sunnah rasulullah menerusi para sahabat, tabiin dan tabi' tabiin.

## Dikenali dengan

1. السنة
2. الجماعه
3. السلف الصالح
4. اهل الحديث

## Golongan ahli sunnah wal jamaah yang masyhur

1. Abu hasan al-asy'aari (260 - 324 H)
   Tempat : Basrah

2. Abu mansur al-maturidi (Meninggal dunia tahun 333 H)
   Tempat : di daerah Samarkhan

## Kepentingan berpegang kepada akidah ahli sunnah

1. Dapat membersihkan akidah daripada kesesatan

- Akidah ahli sunnah wal jamaah adalah berpandukan al-quran dan al-sunnah
- Nabi telah memberi jaminan bahawa orang yang berpegang kepada al-quran dan al-sunnah tidak akan sesat selamanya

2. Menjadi syarat kepada penerimaan sesuatu amalan

- Amalan seseorang akan diterima jika akidahnya benar, jika sebaliknya tidak diterima

3. Kehidupan diredhai allah

- Orang yang berpegang teguh dengan akidah ahli sunnah wal jamaah mendapat redha allah

**Perbezaan akidah ahli sunnah wal jamaah dengan aliran pemikiran muktazilah, syiah, qadariah dan jabariah**

| Bil | Aliran | Pandangan |
|---|---|---|
| 1. | Ahli sunnah wal jamaah<br><br>• Berpegang kepada al-quran dan al-sunnah serta solafu soleh | 1. Tuhan mempunyai sifat seperti yang maha melihat, yang maha mendengar.<br><br>1. Al-quran itu kalam allah yang qadim dan bukan |

| | | |
|---|---|---|
| | • Tidak mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka tanpa mempunyai bukti yang sahih. | makhluk<br><br>1. Orang mukmin dapat melihat allah pada hari akhirat |
| 2. | Muktazilah<br><br>• Berpegang kepada dasar kebebasan berfikir dan cuba melepaskan umat islam dari tradisi keilmuan islam<br><br>• Pengasas : Wasil bin Ato' (80 - 180 H) yang pernah berguru dengan Hasan al-basri (23 - 110 H) sebelum Wasil bin Ato' meninggalkan gurunya. | 1. Orang yang berdosa besar kekal dalam neraka selama-lamanya<br><br>1. Penolakkan mukjizat hissiah (fizikal) para nabi<br><br>1. Al-quran itu makhluk |
| 3. | Qadariah | 1. Segala usaha dan perbuatan |

| | | |
|---|---|---|
| | • Muncul di basrah berikutan timbulnya perbincangan hebat orang islam mengenai masalah qada' dan qadar<br><br>• Nama mazhab ini muncul daripada perkataan "al-qadar" kerana mereka mengatakan segala kerja manusia itu terjadi dengan kehendak dan kuasanya sendiri kerana allah telah memberi bahagian kepadanya. | manusia itu terjadi dengan kehendak mereka sendiri<br><br>1. Percaya bahawa allah tidak menyekutukan apa-apa takdir manusia<br><br>1. Menafikan kewujudan titian sirat, mizan, hisab, syurga dan neraka pada masa sekarang<br><br>1. Menerima ibadat fardhu sahaja dan meninggalkan ibadat sunnah |
| 4. | Jabariah<br><br>• Muncul di kufah pada zaman kerajaan bani umaiyyah | 1. Manusia tidak mempunyai apa-apa usaha atau ikhtiar dalam melakukan sesuatu perbuatan |

| | | |
|---|---|---|
| | yang diketuai oleh Jahm bin Safwan yang berasal dari Khurasan<br><br>• Nama jabariah diambil daripada perkataan "al-jabar" ertinya paksa | 1. Allah tidak boleh dilihat pada hari akhirat nanti<br><br>1. Syurga dan neraka tidak kekal kerana tiada sesuatu yang kekal selain allah<br><br>1. Menghukum kafir terhadap orang yang melakukan dosa besar.<br><br>1. Manusia bebas melakukan sesuatu menurut kehendaknya<br><br>1. Menafikan matahari, bulan dan bintang sebagai makhluk allah |
| 1. | Syiah<br><br>• Kumpulan yang menzahirkan mereka sebagai penyokong dan | 1. Jawatan imam adalah anugerah allah seperti pelantikan nabi dan rasul |

| | | |
|---|---|---|
| | pengikut saidina ali Diasaskan oleh seorang yahudi bernama Abdullah bin Saba' yang berasal dari kota Sanaa.<br><br>• Beliau berpura-pura memeluk islam pada zaman pemerintahan saidina umar al-khattab<br><br>• Beliau merupakan orang pertama yang mendewa-dewakan saidina ali sehingga ke peringkat melampaui batas dengan mengatakan saidina ali ialah tuhan | 1. Mempercayai al-quran yang ada kini masih belum lengkap dan sempurna<br><br>1. Mengkafirkan dan mencela para sahabat dan isteri nabi kecuali ahli al-bait rasulullah seperti saidina ali dan saidina fatimah<br><br>1. Imam-imam syiah dianggap maksum sama seperti nabi dan rasul<br><br>1. Mereka menolak hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat kecuali Sulaiman al-farisi, Abu zar al-ghifai, Miqdad bin amru dan Abu ayub al-ansari |

| | | |
|---|---|---|
| | • Bahagian golongan syiah :<br>1. Syiah zaidiyah<br>2. Syiah batiniah<br>3. Syiah ghula<br>4. Syiah ismailiyyah<br>5. Syiah imamiah | |

Ciri-ciri dan aliran yang menyalahi akidah ahli sunnah wal jamaah

| Bil | Ciri-ciri | Aliran |
|---|---|---|
| 1. | Mendakwa ajaran islam termasuk dalam ajaran baru | ■ Ajaran islam termasuk dalam ajaran baharu yang disatukan bersama agama lain seperti ajaran taslim dan ajaran bahaie |
| 2. | Mengagungkan pemimpin hingga menganggapnya maksum | ■ Mempercayai bahawa pemimpin mereka adalah jelmaan atau nabi seperti iktikad dan ajaran qadiani |
| 3. | Menolak perkara yang pasti dalam islam seperti zakat | ■ Golongan ini mengubah, menghapuskan, mempertikaikan atau membuat tafsiran yang menyeleweng terhadap al-quran dan al-sunnah |
| 4. | Menolak hadis mutawatir atau hadis secara umumnya | ■ Terdiri daripada anti hadis<br><br>■ Berpegang kepada al-quran sahaja<br><br>■ Kepercayaan mereka secara tidak langsung menolak nabi muhammad sebagai |

| | | |
|---|---|---|
| | | pembawa risalah islam kepada manusia |
| 5. | Mengubah kosep dosa dan pahala dalam islam | ■ Memberi kuasa penebusan dosa kepada seseorang seperti ajaran torikotu al-mufarridiah<br><br>■ Ajaran ini diasaskan oleh oleh Syeikh makmun bin yahya di sumatera barat<br><br>■ Golongan ini tinggal bersendirian dan menjauhkan diri dari manusia untuk beribadah kepada allah |

## Usaha-usaha dan tindakan untuk memelihara akidah daripada tersesat dan melampau

### Individu

- Mempelajari asas akidah dari guru yang diiktiraf keilmuannya
- Membina ketahanan akidah dengan cara berdoa kepada allah

### Masyarakat

- Menjauhi diri daripada orang yang mengamalkan ajaran sesat
- Melaporkan kegiatan ajaran sesat kepada pihak berkuasa

### Negara

- Membanteras penyebaran ajaran sesat dengan menguatkuasakan fatwa dan tindakan undang-undang
- Sentiasa mengadakan dialog dan seminar agama untuk menerangkan ajaran yang betul berdasarkan al-quran dan al-sunnah